



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP3: GARIS PANDUAN PENENTUSAHAN MEMENUHI KRITERIA LAYAK DAN SESUAI BAGI PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

DIKELUARKAN PADA 1 SEPTEMBER 2024

NO. RUJUKAN: SKM.IP.(AM): 7950 JLD.5

KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN A	: PENGENALAN	1
	<ul style="list-style-type: none">• TUJUAN• TAFSIRAN• LATAR BELAKANG	
BAHAGIAN B	: KRITERIA LAYAK DAN SESUAI SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA	2
	<ul style="list-style-type: none">• KRITERIA PELANTIKAN MANA-MANA ORANG SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA• KRITERIA TAMBAHAN	
BAHAGIAN C	: TATACARA PERMOHONAN PENENTUSAHAN	5
	<ul style="list-style-type: none">• JAWATANKUASA PENCALONAN KOPERASI• PERMOHONAN	
BAHAGIAN D	: PENENTUSAHAN KRITERIA LAYAK DAN SESUAI OLEH SURUHANJAYA	9
	<ul style="list-style-type: none">• TEMPOH PENENTUSAHAN	
BAHAGIAN E	: PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA	9
LAMPIRAN 1	: SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN CALON KEPADA KOPERASI	11
LAMPIRAN 2	: SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN KOPERASI KEPADA SURUHANJAYA	12

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mengeluarkan garis panduan bagi pemakaian subseksyen 43(2) Akta 502 sebagai penentuan kriteria layak dan sesuai untuk pelantikan atau pelantikan semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga bagi koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain—

“koperasi atasan” ertinya koperasi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(3) Akta 502;

“koperasi menengah” ertinya koperasi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(2) Akta 502; dan

“Lembaga” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta 502.

LATAR BELAKANG

3. Selaras dengan kehendak di bawah subseksyen 43(2) Akta 502, bagi pelantikan atau pelantikan semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga, sesuatu koperasi yang ditentukan hendaklah mendapatkan penentusahan daripada Suruhanjaya terlebih dahulu bagi memastikan orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

4. Sehubungan dengan itu, bagi memperkukuh dan memperkemaskan tadbir urus serta pengurusan koperasi, penentuan kriteria layak dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Lembaga dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN B: KRITERIA LAYAK DAN SESUAI SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA

KRITERIA PELANTIKAN MANA-MANA ORANG SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA

5. Menurut seksyen 42 Akta 502, tiap-tiap koperasi hendaklah mempunyai suatu Lembaga yang hendaklah terdiri daripada **tidak kurang daripada tiga (3) orang dan tidak lebih daripada lima belas (15) orang anggota** yang dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan.

6. Anggota Lembaga merupakan mana-mana orang yang dilantik dan diamanahkan oleh anggota untuk menguruskan hal-ehwal koperasi dalam memastikan perjalanan koperasi berjalan dengan baik dan lancar. Mereka hendaklah terdiri daripada anggota yang berkelayakan, berintegriti dan kompeten dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh anggota dalam mesyuarat agung tahunan.

7. Subperaturan 18(1) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 [*PPK 2010*] memperuntukkan kriteria yang hendaklah diambil kira dalam menentukan sama ada seseorang layak dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Lembaga:

(a) ketekunan, kewibawaan dan kewajaran keputusannya; dan

(b) reputasi, perwatakan, integriti dan kejujurannya.

8. Dalam menilai **kriteria layak dan sesuai** untuk seseorang dilantik sebagai anggota Lembaga, koperasi hendaklah mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

(a) **Kejujuran, Reputasi dan Integriti Peribadi**

Seseorang hendaklah mempunyai keunggulan peribadi seperti kejujuran, integriti, ketekunan dan kewajaran keputusannya.

- (i) bukan seorang yang dimulakan prosiding dan disabitkan dengan suatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan di bawah Akta 502;
- (ii) seorang yang tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang bertulis sehingga dikenakan tindakan penguatkuasaan;
- (iii) seorang yang tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang dirangka untuk melindungi anggota atau orang awam daripada mengalami kerugian kewangan akibat tidak jujur, salah laku atau tidak kompeten;
- (iv) seorang yang layak di bawah seksyen 26 Akta 502 untuk menjadi anggota dan tidak hilang kelayakan di bawah seksyen 27 Akta 502 untuk menjadi anggota;
- (v) seorang yang bukan dikenakan tindakan disiplin, digantung atau diberi amaran bertulis oleh badan kawal selia atau badan profesional;
- (vi) seorang yang tidak digantung, dipecat atau ditamatkan jawatan anggota Lembaga oleh mana-mana koperasi atau Suruhanjaya;
- (vii) seorang yang tiada kaitan dengan perihal pemilikan atau pengurusan dalam apa-apa syarikat di mana lesen, keahlian atau pendaftaran entiti tersebut telah dibatalkan, ditarik balik atau ditamatkan; dan
- (viii) bukan seorang yang tidak mendedahkan percanggahan kepentingan sebagaimana di bawah seksyen 44A dan 44B Akta 502.

(b) Keupayaan dan Kompeten

Seseorang hendaklah mempunyai kemahiran sewajarnya, pengalaman, kebolehan dan komitmen untuk melaksanakan tanggungjawab.

- (i) seorang yang mempunyai kelayakan, kemahiran, pengalaman dan komitmen yang bersesuaian untuk menggalas tugas serta tanggungjawab sebagai anggota Lembaga koperasi mengikut tata kelola Jawatankuasa Pencalonan Koperasi; dan
- (ii) seseorang yang mempunyai kemahiran dalam mentadbir koperasi dengan lebih berkesan melalui pendidikan dan latihan secara berterusan sebagaimana dikehendaki **GP5: Garis Panduan Anggota Lembaga koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Untuk Menghadiri Modul Wajib Pendidikan dan Latihan.**

(c) Integriti Kewangan

Seseorang hendaklah mengurus tanggungan atau kedudukan kewangannya secara berhemat.

- (i) seorang yang berkemampuan memenuhi tanggungan kewangan serta mempunyai rekod kewangan yang bersih dan memuaskan; dan
- (ii) seorang yang tidak mempunyai apa-apa hutang tertunggak yang melebihi enam (6) bulan kepada mana-mana institusi kewangan yang berlesen, koperasi atau penyedia perkhidmatan kewangan yang lain.

KRITERIA TAMBAHAN

9. Suruhanjaya juga boleh menentukan kriteria-kriteria lain dari semasa ke semasa, sekiranya perlu.

10. Koperasi berhak untuk menetapkan apa-apa syarat tambahan bagi kriteria menjadi anggota Lembaga dalam Undang-Undang Kecil dan aturannya yang diluluskan dalam mesyuarat agung tahunan.

Kriteria bagi koperasi yang keanggotaannya ialah koperasi

11. Koperasi menengah atau koperasi atasan yang keanggotaannya terdiri daripada koperasi hendaklah memastikan calon anggota Lembaganya merupakan **perwakilan bagi koperasi yang dianggotai** sebagaimana tafsiran perwakilan di bawah seksyen 2 Akta 502.

12. Koperasi yang diwakili oleh calon anggota Lembaga hendaklah memenuhi perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) mematuhi peruntukan Akta 502;
- (b) mempunyai prestasi kewangan yang memuaskan;
- (c) memberi persetujuan melalui mesyuarat Lembaga kepada perwakilannya untuk dicalonkan sebagai anggota Lembaga;
- (d) bebas daripada bertindak dengan apa-apa cara yang memudaratkan kepentingan koperasi atau pergerakan koperasi; dan
- (e) mematuhi kriteria lain mengikut Undang-Undang Kecil koperasi menengah atau atasan itu.

BAHAGIAN C: TATACARA PERMOHONAN PENENTUSAHAN

JAWATANKUASA PENCALONAN KOPERASI

13. Koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pencalonan Koperasi yang dibentuk bagi membuat tapisan awal calon anggota Lembaga sebelum permohonan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

14. Jawatankuasa Pencalonan Koperasi hendaklah terdiri daripada:
- (a) Pengerusi yang terdiri dalam kalangan anggota Lembaga;
 - (b) seorang anggota Jawatankuasa yang terdiri dalam kalangan anggota Lembaga; dan
 - (c) seorang anggota Jawatankuasa yang terdiri dalam kalangan anggota koperasi atau pengurusan koperasi.
15. Jawatankuasa Pencalonan Koperasi hendaklah menjalankan peranan dengan melaksanakan saringan (*screening*) dan memberikan perakuan dan laporan penilaian sewajarnya ke atas permohonan yang dikemukakan oleh calon anggota Lembaga pada Borang Penilaian untuk dikemukakan kepada Suruhanjaya.
16. Keterangan lanjut berkaitan tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan Koperasi diperincikan di **GP27: Garis Panduan Tadbir Urus Koperasi**.

PERMOHONAN

17. Koperasi hendaklah merancang dan menetapkan **tempoh sewajarnya** kepada anggota untuk mengemukakan permohonan yang lengkap bagi pelantikan sebagai anggota Lembaga. Borang dan dokumen permohonan tersebut hendaklah boleh diakses oleh anggota.

Dokumen Permohonan

18. Koperasi hendaklah memastikan dokumen yang lengkap dikemukakan kepada Suruhanjaya seperti berikut:
- (a) Dokumen serahan oleh calon kepada koperasi seperti di **Lampiran 1**—
 - (i) Borang Permohonan Pencalonan;
 - (ii) Salinan Kad Pengenalan (*depan dan belakang*);
 - (iii) Salinan Sijil Modul Wajib Pendidikan dan Latihan;

- (iv) Laporan Kredit Institusi Kewangan (*CCRIS/SPeKAR/CTOS*);
 - (v) Laporan Kredit Koperasi, jika berkenaan; dan
 - (vi) Carian Status Kebankrapan Individu Jabatan Insolvensi Malaysia.
- (b) Dokumen serahan bagi calon yang mewakili koperasi yang menganggotai koperasi menengah atau atasan seperti berikut—
- (i) Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga yang membenarkan lantikan sebagai perwakilan koperasi; dan
 - (ii) Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga yang membenarkan perwakilan koperasi untuk dilantik sebagai anggota Lembaga.
- (c) Dokumen serahan oleh koperasi kepada Suruhanjaya seperti di **Lampiran 2**—
- (i) Surat Permohonan kepada Suruhanjaya;
 - (ii) Senarai Anggota Lembaga dan Calon Baharu;
 - (iii) Borang Penilaian Jawatankuasa Pencalonan (*bagi setiap calon*);
 - (iv) Keputusan Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
 - (v) Laporan Pembiayaan Calon daripada koperasi pemohon (*sekiranya berkaitan*);
 - (vi) Aturan Pencalonan/Pemilihan/Pelantikan Anggota Lembaga, *jika ada*; dan
 - (vii) Dokumen Permohonan Calon.

Tempoh Mengemukakan Permohonan

19. Calon anggota Lembaga hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan yang lengkap dalam **tempoh sewajarnya** kepada koperasi bagi penilaian oleh Jawatankuasa Pencalonan Koperasi.

20. Anggota Lembaga yang **masih memegang jawatan tetapi telah tamat tempoh penentusahan** hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap tidak lewat daripada **dua (2) bulan** sebelum tarikh tamat penentusahannya kepada koperasi untuk diperakukan oleh Jawatankuasa Pencalonan Koperasi.

21. Koperasi hendaklah mengemukakan **permohonan yang lengkap** bagi pelantikan atau pelantikan semula anggota Lembaga dan laporan penilaian daripada Jawatankuasa Pencalonan Koperasi kepada Suruhanjaya tidak lewat daripada **dua (2) bulan** sebelum mesyuarat agung tahunan diadakan.

22. Koperasi boleh merujuk garis masa pengemukakan permohonan seperti berikut:



BAHAGIAN D: PENENTUSAHAN KRITERIA LAYAK DAN SESUAI OLEH SURUHANJAYA

TEMPOH PENENTUSAHAN

23. Suruhanjaya boleh menetapkan suatu tempoh penentusahan dengan **tidak melebihi tiga (3) tahun** sebagaimana subperaturan 18(2) PPK 2010 memperuntukkan sekurang-kurangnya **satu pertiga daripada anggota Lembaga** hendaklah mengosongkan jawatannya pada setiap tahun di mesyuarat agung tahunan.

24. Suruhanjaya akan mengendalikan proses tapisan bagi memastikan calon anggota Lembaga memenuhi kriteria layak dan sesuai.

25. Mana-mana calon yang berhasrat untuk bertanding **lebih daripada satu (1)** koperasi sebagai anggota Lembaga hendaklah mengemukakan permohonan penentusahan melalui setiap Jawatankuasa Pencalonan Koperasi. Penentusahan yang diberikan oleh Suruhanjaya kepada calon anggota Lembaga tersebut **hanya terpakai kepada koperasi yang memohon sahaja.**

BAHAGIAN E: PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

26. Garis panduan ini terpakai kepada koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya melalui **arahan** yang dikeluarkan bagi tujuan penentusahan kepada mana-mana orang yang memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagai anggota Lembaga.

27. Garis panduan ini boleh dijadikan panduan kepada mana-mana koperasi selain yang ditentukan oleh Suruhanjaya bagi melaksanakan proses penentusahan sebelum pelantikan anggota Lembaga koperasinya.

28. Garis panduan ini hendaklah dirujuk bersama dengan GP5: Garis Panduan Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi Untuk Menghadiri Modul Wajib Pendidikan dan Latihan, GP13: Garis Panduan Mengenai Etika Calon Anggota Lembaga Koperasi dan GP27: Garis Panduan Tadbir Urus Koperasi.

29. Garis panduan ini juga hendaklah dibaca bersekali dengan Akta, peraturan-peraturan, perintah, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

30. Dengan penguatkuasaan garis panduan ini, GP3: Garis Panduan Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (Pindaan) 2012 bertarikh 1 Januari 2013 adalah **DIBATALKAN**.

31. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **1 September 2024**.

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN CALON KEPADA KOPERASI

BIL.	BORANG
1.	Borang Permohonan Pencalonan
2.	<p>Dokumen Serahan (disusun mengikut keutamaan berikut)</p> <p><input type="checkbox"/> Salinan Kad Pengenalan (<i>depan dan belakang</i>) (<i>salinan hendaklah dipalang untuk kegunaan Suruhanjaya sahaja</i>)</p> <p><input type="checkbox"/> Salinan Sijil Modul Wajib Pendidikan dan Latihan</p> <p><input type="checkbox"/> Laporan Kredit Institusi Kewangan (<i>CCRIS/SPeKAR/CTOS</i>)</p> <p><input type="checkbox"/> Laporan Kredit Koperasi, <i>jika berkenaan</i></p> <p><input type="checkbox"/> Carian Status Kebankrapan Individu Jabatan Insolvensi Malaysia</p>
3	<p>Dokumen Serahan (bagi calon yang mewakili koperasi yang menganggotai koperasi menengah atau atasan)</p> <p><input type="checkbox"/> Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga yang membenarkan lantikan sebagai perwakilan koperasi</p> <p><input type="checkbox"/> Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga yang bersetuju pencalonan sebagai anggota Lembaga</p>

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN KOPERASI KEPADA SURUHANJAYA

BIL.	BORANG
1.	Surat Permohonan kepada Suruhanjaya
2.	Senarai Anggota Lembaga dan Calon Baharu
3.	Borang Penilaian Jawatankuasa Pencalonan Koperasi (<i>bagi setiap calon</i>)
4.	Dokumen Serahan (disusun mengikut keutamaan berikut) <input data-bbox="331 703 400 748" type="checkbox"/> Keputusan Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia melalui Sistem Tapisan Keutuhan (eSTK) <input data-bbox="331 815 400 860" type="checkbox"/> Laporan Pembiayaan Calon daripada koperasi pemohon (<i>sekiranya berkaitan</i>)
5.	Aturan Pencalonan/Pemilihan/Pelantikan Anggota Lembaga yang telah diluluskan dalam mesyuarat agung tahunan, <i>jika berkenaan</i>
6.	Dokumen Permohonan Calon

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN CALON KEPADA KOPERASI

BIL.	BORANG
1.	Borang Permohonan Pencalonan
2.	<p>Dokumen Serahan (disusun mengikut keutamaan berikut)</p> <p><input type="checkbox"/> Salinan Kad Pengenalan (<i>depan dan belakang</i>) (<i>salinan hendaklah dipalang untuk kegunaan Suruhanjaya sahaja</i>)</p> <p><input type="checkbox"/> Salinan Sijil Modul Wajib Pendidikan dan Latihan</p> <p><input type="checkbox"/> Laporan Kredit Institusi Kewangan (<i>CCRIS/SPeKAR/CTOS</i>)</p> <p><input type="checkbox"/> Laporan Kredit Koperasi, <i>jika berkenaan</i></p> <p><input type="checkbox"/> Carian Status Kebankrapan Individu Jabatan Insolvensi Malaysia</p>
3	<p>Dokumen Serahan (bagi calon yang mewakili koperasi yang menganggotai koperasi menengah atau atasan)</p> <p><input type="checkbox"/> Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga yang membenarkan lantikan sebagai perwakilan koperasi</p> <p><input type="checkbox"/> Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga yang bersetuju pencalonan sebagai anggota Lembaga</p>

Logo
Koperasi

Permohonan Untuk Melantik/Melantik Semula Anggota Lembaga

Borang Permohonan Pencalonan mengandungi 4 Bahagian:

BAHAGIAN A	Maklumat Peribadi Calon
BAHAGIAN B	Kebenaran Calon untuk Mendedahkan Maklumat
BAHAGIAN C	Akuan Calon
BAHAGIAN D	Makluman (<i>sebagai rujukan calon</i>)

Arahan

1. Individu (anggota koperasi) yang berhasrat untuk bertanding sebagai anggota Lembaga hendaklah mengisi Borang Permohonan Pencalonan dan mengemukakan dokumen mengikut senarai semak.
2. Maklumat dalam Borang Permohonan Pencalonan hendaklah ditaip.
3. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, kertas tambahan boleh dilampirkan.
4. Sila lengkapkan semua maklumat yang diperlukan dan nyatakan "Tiada" atau "Tidak Berkaitan" sekiranya perkara tersebut tiada kaitan.
5. Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dikemukakan kepada koperasi **mengikut tarikh yang ditetapkan oleh koperasi.**

BAHAGIAN A			
MAKLUMAT PERIBADI CALON			
KOPERASI PEMOHON			
1.	NAMA		
2.	NO. KAD PENGENALAN		
3.	TARIKH LAHIR		
4.	UMUR		
5.	ALAMAT SURAT MENYURAT		
6.	NOMBOR TELEFON	TELEFON BIMBIT	
		PEJABAT	
7.	MAKLUMAT MAJIKAN SEMASA		
		Nama Organisasi	
		Jawatan Disandang	
		Alamat	
		No. Telefon	
8.	KELAYAKAN AKADEMIK DAN IKHTISAS		
		Kelulusan	Institusi Pengajian
			Tahun
9.	PENGALAMAN KERJA		
		Nama Organisasi	Jawatan Disandang
			Tempoh Berkhidmat
10.	MODUL WAJIB PENDIDIKAN DAN LATIHAN <i>(nyatakan tarikh)</i>		
		Nama Kursus	Penganjur
			Tarikh
		Kursus 1: Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi	
		Kursus 2: Pengurusan Kewangan Koperasi	
		Kursus 3: Pengurusan Strategik	

BAHAGIAN B
AKUAN BERKANUN CALON

14.	AKUAN BERKANUN CALON
------------	-----------------------------

Saya (nama calon) (No.K/P)
dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa:

- (a) Saya layak menurut subseksyen 43(1) Akta Koperasi 1993.
- (b) Saya bukan seorang bankrap dan tiada sebarang tindakan kebangkrapan sedang diambil terhadap saya.
- (c) Saya tidak pernah menghadapi sebarang tindakan atas suatu kesalahan berikut:
 - (i) rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009; dan
 - (ii) jenayah di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969.
- (d) Saya memenuhi kriteria minimum layak dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Lembaga koperasi sebagaimana yang dinyatakan dalam **GP3: Garis Panduan Penentusahan Memenuhi Kriteria Layak Dan Sesuai Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai Anggota Lembaga Koperasi**
- (e) Semua maklumat yang diberikan dalam Borang Permohonan Pencalonan ini adalah benar, betul dan lengkap.

DAN SAYA MENGAKUI DENGAN SESUNGGUH DAN SEBENARNYA MEMBUAT AKUAN INI DENGAN KEPERCAYAAN BAHAWA SEGALA MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN DALAM BORANG INI ADALAH BENAR DAN LENGKAP, SERTA MENURUT AKTA AKUAN BERKANUN 1960. DIPERBUAT DAN DENGAN SEBENAR-BENARNYA DIAKUI OLEH YANG TERSEBUT NAMANYA DI ATAS IAITU

.....
 DI
 DI NEGERI
 PADA HARIBULAN, TAHUN
 DI HADAPAN SAYA,

**(TANDATANGAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN,
 MAJISTRET ATAU PESURUHJAYA SUMPAH)**

BAHAGIAN C
KEBENARAN CALON UNTUK MENDEDAHKAN MAKLUMAT

15.	KEBENARAN
------------	------------------

Saya membenarkan koperasi untuk mendapatkan, menggunakan, memindahkan, mendedahkan dan/atau mengekalkan maklumat saya (termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi) dengan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 untuk tujuan permohonan ini.

Tandatangan: Tarikh:
Nama Penuh:

BAHAGIAN D

MAKLUMAN KEPADA CALON

MAKLUMAN HENDAKLAH DIBACA BAGI MENGGISI BORANG PERMOHONAN PENCALONAN

1. Institusi Kewangan yang berlesen termasuklah:
 - (a) suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758];
 - (b) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759]; dan
 - (c) suatu institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618].

2. Calon hendaklah mendapatkan pengesahan status pembiayaan (baik/tunggakan) daripada koperasi yang memberikan kemudahan pembiayaan kepadanya.

Jenis pembiayaan termasuklah peribadi, perumahan, kenderaan, pajak gadai Islam (Ar-Rahnu), pelajaran, pengguna dan lain-lain.

3. Jaminan yang diberikan termasuklah jaminan peribadi, jaminan korporat atau apa-apa jaminan di mana calon bertanggungjawab sepenuhnya.

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN KOPERASI KEPADA SURUHANJAYA

BIL.	BORANG
1.	Surat Permohonan kepada Suruhanjaya
2.	Senarai Anggota Lembaga dan Calon Baharu
3.	Borang Penilaian Jawatankuasa Pencalonan Koperasi (<i>bagi setiap calon</i>)
4.	Dokumen Serahan (disusun mengikut keutamaan berikut) <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="331 703 1331 770"> <input type="checkbox"/> Keputusan Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia melalui Sistem Tapisan Keutuhan (eSTK) <li data-bbox="331 815 1331 882"> <input type="checkbox"/> Laporan Pembiayaan Calon daripada koperasi pemohon (<i>sekiranya berkaitan</i>)
5.	Aturan Pencalonan/Pemilihan/Pelantikan Anggota Lembaga yang telah diluluskan dalam mesyuarat agung tahunan, <i>jika berkenaan</i>
6.	Dokumen Permohonan Calon

Daripada: Koperasi _____

Alamat:

Kepada:

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

(u.p. Bahagian Statutori dan Pendaftaran)

**PERMOHONAN PENENTUSAHAN CALON MEMENUHI KRITERIA LAYAK DAN SESUAI
SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DI BAWAH SUBSEKSYEN 43(2) AKTA
KOPERASI 1993**

Tuan,

Bersama-sama ini disertakan permohonan di bawah subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993 untuk mendapatkan penentusahan memenuhi **kriteria layak dan sesuai** sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk pelantikan sebagai anggota Lembaga.

Senarai semak dokumen:

(a) Dokumen Permohonan koperasi

- Senarai Anggota Lembaga dan Calon Baharu
- Borang Penilaian Jawatankuasa Pencalonan Koperasi (*bagi setiap calon*)
- Keputusan Tapisan Keutuhan (*bagi setiap calon*)
- Laporan Pembiayaan Calon daripada koperasi pemohon (*sekiranya berkaitan*)
- Aturan Pemilihan Anggota Lembaga yang telah diluluskan dalam mesyuarat agung tahunan (*jika berkenaan*)
- Dokumen Permohonan Calon

(b) Dokumen Permohonan Calon

- Borang Permohonan Pencalonan (*diisi oleh setiap calon*)
- Salinan Kad Pengenalan (*depan dan belakang*)
- Salinan Sijil Modul Wajib Pendidikan dan Latihan
- Laporan Kredit Institusi Kewangan (*CCRIS/SPeKAR/CTOS*)
- Laporan Kredit Koperasi
- Carian Status Kebankrapan Individu

Cabutan minit mesyuarat Lembaga yang membenarkan lantikan sebagai perwakilan koperasi (*jika berkenaan*)

Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga yang bersetuju pencalonan sebagai anggota Lembaga (*jika berkenaan*)

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Permohonan untuk Melantik/Melantik Semula Anggota Lembaga Koperasi Subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993 <i>(hendaklah diisi oleh koperasi)</i>						
1.	NAMA KOPERASI					
2.	TARIKH MESYUARAT AGUNG TAHUNAN					
3.	BILANGAN ANGGOTA LEMBAGA MENURUT UUK : _____ ORANG					
4.	SENARAI ANGGOTA LEMBAGA TERKINI					
	NAMA	JAWATAN DALAM KOPERASI	TARIKH LANTIKAN SEMASA	TARIKH TAMAT TEMPOH LANTIKAN SEMASA	RUJUKAN DAN TARIKH SURAT PENENTUSAHAN	TARIKH TAMAT TEMPOH PENENTUSAHAN
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						
9.						
10.						
11.						
12.						

	NAMA	JAWATAN DALAM KOPERASI	TARIKH LANTIKAN SEMASA	TARIKH TAMAT TEMPOH LANTIKAN SEMASA	RUJUKAN DAN TARIKH SURAT PENENTUSAHAN	TARIKH TAMAT TEMPOH PENENTUSAHAN
	13.					
	14.					
	15.					
5.	SENARAI PENCALONAN SEMULA					
	1.					
	2.					
	3.					
	4.					
6.	SENARAI PENCALONAN BAHARU					
	1.					
	2.					
	3.					
	4.					
7.	SENARAI PELANJUTAN TEMPOH PENENTUSAHAN					
	1.					
	2.					
	3.					
	4.					
	5.					

Permohonan untuk Melantik/Melantik Semula Anggota Lembaga Koperasi Subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993 <i>(Hendaklah diisi oleh Jawatankuasa Pencalonan Koperasi bagi setiap calon)</i>			
8.	NAMA KOPERASI PEMOHON		
9.	NAMA CALON		
10.	JENIS PELANTIKAN <i>(Tandakan √ yang berkenaan)</i>		
		Pelantikan baharu	Pelanjutan tempoh
		Pelantikan semula	
11.	JAWATAN DALAM KOPERASI <i>(bagi pelantikan semula)</i>		
12.	PENILAIAN OLEH JAWATANKUASA PENCALONAN KOPERASI (ULASAN WAJIB DIISI) <i>(Justifikasi terhadap calon berdasarkan kepada UUK atau aturan berkaitan, jika ada dan kriteria berikut)</i>		
	(a) Kejujuran, Reputasi dan Integriti Peribadi	Ulasan:	
	(b) Keupayaan dan Kompeten	Ulasan:	
	(c) Integriti Kewangan	Ulasan:	
13.	PENGESAHAN OLEH JAWATANKUASA PENCALONAN KOPERASI <i>(hendaklah diisi oleh Pengerusi Jawatankuasa)</i>		
	Tandatangan		
	Nama Penuh		
	Jawatan Dalam Koperasi		
	Tarikh		

